

Paderi Palestin kagum perjuangan Mahathir

UM 16 FEB 2003

PUTRAJAYA 15 Feb. — Seorang paderi Palestin hari ini menyatakan kekagumannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana lantang memperjuangkan isu Palestin sedangkan pemimpin Arab sendiri tidak berani berbuat demikian.

Paderi Constantin Basil Salameh dari Baitulmaqdis, berkata, Dr. Mahathir dan pemimpin negara ini berani menampelak kuasa besar yang mengamalkan diskriminasi dalam menangani isu Palestin.

“Masalah kami memerlukan keajaiban dari Tuhan untuk diselesaikan tetapi dengan bantuan Malaysia dan sikap baik hati anda, sedikit sebanyak

meredakan kesengsaraan kami,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan rombongan 11 rakyat Palestin dengan Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali di Kompleks Seri Perdana di sini hari ini.

Pada pertemuan lebih dua jam itu, Dr. Mahathir mendengar sendiri mengenai kisah penderitaan rakyat Palestin yang dizalimi Israel daripada anggota rombongan itu.

Seorang daripada empat remaja Palestin yang menyertai rombongan tajaan Aman Malaysia itu, **Mohammed Al-Bilawi** turut menceritakan bagaimana rumahnya dimusnahkan oleh tentera rejim Zionis.

“Saya pergi ke sekolah dan bayangkan perasaan saya apabila pulang, rumah sudah tidak ada lagi... yang tinggal hanya kesan runtuhannya,” katanya.

Lebih malang bagi remaja perempuan Heba Sbaih, abangnya yang baru berumur 16 tahun menjadi korban muncung senjata tentera Israel.

Bagi **Mohammed Hussein** pula, alam persekolahan tidak sama seperti remaja di negara lain.

“Hanya ada empat orang yang tinggal di kelas saya, yang lain sudah mati.

“Guru mengajar tetapi sukar hendak beri tumpuan kerana dibelenggu ketakutan sepanjang masa,” katanya.